

Arafat minta bantuan PM

Daripada Zaharah Othman

LONDON, Ahad – Presiden Palestin, Yasser Arafat menelefon Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari tempat beliau dikepung di Ramallah, meminta bantuan Perdana Menteri menggesa Barat campur tangan dalam krisis terbaru di Tebing Barat.

Perdana Menteri berkata, Arafat menghubunginya sebelum beliau berlepas ke sini dalam perjalanannya ke Copenhagen bagi menghadiri mesyuarat Asia-Eropah ke empat (Asem), esok.

Sehubungan itu, beliau akan menulis kepada pemimpin dunia untuk meminta mereka bertindak segera menghentikan kepungan tentera Israel ke atas bangunan pentadbiran yang didiami Arafat bersama-sama kira-kira 100 penyokongnya.

"Arafat terkepung. Dia memberitahu saya dia sedang dikenakan perintah seperti tahanan dalam kediaman. Ini adalah sesuatu yang luar biasa. Saya tahu bahawa apa yang mereka lakukan terhadap beliau adalah ekoran letupan oleh pengebom berani mati baru-baru ini.

"Tetapi kalau pun Arafat tidak ada lagi, saya tak percaya bahawa serangan akan berhenti kerana mereka yang menyerang itu bukan di bawah kuasa Arafat. Mereka menyerang secara sendirian. Hamas umpamanya tidak mengambil arahan daripada Arafat," katanya.

Beliau memberitahu wartawan Malaysia demikian selepas berucap kepada masyarakat pelbagai agama pimpinan seorang Islam, Faith Regen, di Masjid Sulaimaniye, terletak di kawasan antara paling miskin di Timur London.

Di COPENHAGEN, **M Thillinadan** melaporkan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, sebagai berkata Dr Mahathir sudah menghantar surat kepada Presiden Amerika, George Bush; Presiden Perancis, Jacques Chirac dan Canselor Jerman, Gerhard Schroeder meminta sokongan mereka menghentikan kepungan terhadap Arafat.

Syed Hamid berkata, Perdana Menteri juga akan membawa isu itu kepada perhatian Chirac; Perdana Menteri Itali, Silvio Berlusconi dan Presiden Kesatuan Eropah, Romano Prodi ketika perbincangan dua hala dengan mereka esok.

Dr Mahathir kluatir kalau sesuatu terjadi kepada Arafat, pemimpin Palestin itu akan dianggap dunia Islam sebagai seorang syahid dan mangsa penindasan, yang kesannya menyemarakkan kemarahan dan mencetuskan lebih banyak keganasan.

Soal keprihatinan rakyat Malaysia terhadap apa yang berlaku di dunia Islam, khususnya di Palestin turut menjadi bahan ucapannya pada jamuan tengah hari anjuran Faith Regen UK, iaitu pertubuhan berbilang agama pimpinan orang Islam, di sini.

Sebagai pemimpin negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, Dr Mahathir diminta bercakap mengenai pengalaman Malay-

sia sendiri dalam menangani isu-isu berkaitan masyarakat berbilang agama.

Perdana Menteri memberitahu kira-kira 150 tetamu pelbagai agama itu, wujud perasaan hampa dan kemarahan di dunia Islam hari ini terhadap apa yang berlaku di Palestin.

"Di Malaysia, kami rasa hampa dan marah kerana kami melihat ramai rakyat Palestin terbunuh. Ya, orang Yahudi pun terbunuh tetapi kami lihat orang-orang Palestin begitu tertindas dan kami bersimpati dengan mereka. Tetapi ini tidak menjejaskan hubungan kami dengan kaum-kaum lain di Malaysia.

Mengimbas kembali sejarah hubungan orang Islam dan Yahudi, beliau berkata adalah tidak benar kedua-dua kaum itu selamanya

berseteru kerana ketika orang Yahudi ditindas oleh penganut Kristian, mereka berlindung di negara Islam.

"Masalah di Palestin bukanlah soal agama. Orang Palestin rasa bahawa tanah mereka telah diambil dari mereka untuk diberi kepada orang Yahudi. Jadi mereka rasa ini tidak adil dan mereka melawan orang-orang Yahudi. Tetapi kerana mereka Islam, umat Islam lain turut bersimpati," katanya.

Perdana Menteri mengulangi gesaannya kepada kuasa-kuasa Barat sebelum ini supaya mengkaji punca keganasan dan tidak hanya bercakap mengenai meningkatkan langkah keselamatan.

"Terlalu banyak tumpuan diberikan pada

soal keselamatan, bagaimana untuk memperbaik keselamatan dan bagaimana menjadikannya tidak gagal. Perkara itu saja tidak akan menyelesaikan masalah penganas. Kita perlu kaji puncanya. Kita tidak boleh dirikan halangan setiap masa," katanya.

Dr Mahathir berkata, pengalaman Malaysia dalam memerangi keganasan lebih berkesan kerana masalah itu ditangani bukan hanya melalui ketenteraan tetapi juga dengan memengaruhi hati dan minda rakyat.

Beliau berkata, konflik itu akan berterusan dan dunia akan hidup dalam kebimbangan bagi tempoh yang lama kerana perang

LIHAT MUKA 2

Emas bernilai intrinsik sukar diserang

DARI MUKA 1

terhadap keganasan dilakukan dengan cara salah.

Definisi keganasan, katanya, tidak harus dihadkan kepada perlakuan keganasan saja kerana ada juga spekulator mata wang berupa penganas ekonomi yang bertindak menjatuhkan nilai mata wang mengakibatkan banyak pengangguran, rusuhan dan kematian.

"Perbuatan itu sama kejamnya dengan keganasan," kata Dr Mahathir.

Terdahulu, pada majlis

perjumpaan wakil pelbagai agama itu, seorang tetamu beragama Kristian menyatakan sokongannya terhadap penggunaan dinar emas dan perdagangan adil dalam Islam.

"Ada juga orang Kristian – amat sedikit – yang berkongsi idea bahawa menggunakan wang untuk raih wang adalah perbuatan jahat. Kami amat kagum dengan anda," katanya kepada Dr Mahathir.

Perdana Menteri menjawab dengan menyatakan bahawa emas, yang mempunyai nilai intrinsik, akan

lebih sukar diserang, walaupun nilainya boleh turun naik bila-bila masa.

Dalam menjelaskan perkara itu, Dr Mahathir menunjukkan dinar dengan nilai 500 bilion yang dikeluarkan oleh Kerajaan Yugoslavia bernilai 12 sen Amerika ketika ia dicetak tetapi tiada nilai langsung hari ini.

"Itulah dia mata wang kertas. Ia hanya satu penipuan. Jika kita menggunakan dinar emas, peluang bagi orang untuk mempermainkan mata wang itu tidak akan ada.

"Sekiranya Encik (George) Soros (spekulator utama ketika krisis kewangan Asia dulu) mahu menurunkan nilai dinar emas dan mahu menjualnya pada separuh harga, saya bersedia membelinya daripada beliau," katanya sambil disambut gelak ketawa.

Dr Mahathir berkata, kini sudah ada satu dua negara di Asia Barat yang melahirkan minat untuk berdagang dengan Malaysia menggunakan asas dinar emas.

"Memang benar bahawa emas sebagai satu komo-

diti juga akan terdedah kepada spekulasi, tetapi nilainya tidak akan turun seteruk mata wang kertas yang terdedah kepada spekulator," katanya.

Sementara itu, Syed Hamid berkata Malaysia tetap dengan berpendirian bahawa kegagalan masyarakat antarabangsa menyelesaikan masalah Palestin adalah antara punca serangan penganas terhadap New York dan Washington pada 11 September tahun lalu.

"Kita berpendapat Asem adalah peluang untuk membangkitkan isu Pales-

tin, khususnya kepungan Israel terhadap Presiden Arafat.

"Dr Mahathir sangat prihatin dan kesal dengan serangan dan kepungan Israel terhadap Presiden Arafat. Ini langsung tidak membantu usaha ke arah perpaduan di Tabing Barat dan mahu Israel berundur segera.

"Dr Mahathir yakin satu-satunya cara untuk mencapai keamanan di Tebing Barat ialah dengan Israel keluar dari situ dengan segera," katanya kepada wartawan Malaysia.